

Headline	Pengguna penentu tenaga bersih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	603 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,081		



Sumbangan satu peratus untuk dana pembangunan tenaga boleh baharu Pengguna penentu tenaga bersih

SECARA dasarnya, peralihan kepada penggunaan sumber tenaga boleh baharu (TBB) bukan sahaja mampu mengurangkan kebergantungan berterusan kepada sumber tenaga asli, malah secara tidak langsung membantu menyelamatkan bumi daripada terus menghadapi pelbagai masalah perubahan iklim secara mendadak.

Penggunaan sumber tenaga berasaskan karbon menjadi alternatif penting bagi menangani masalah pencemaran. Menyedari keperluannya, kerajaan melalui pelbagai agensi berwajib telah berusaha memastikan sumber TBB dapat diaplikasikan secara meluas dalam industri bekalan tenaga elektrik negara.

Berdasarkan perangkaan, lebih 90 peratus bekalan elektrik di Malaysia ketika ini dijana oleh bahan api fosil seperti arang batu, minyak dan gas asli.

Memandangkan tahap kebergantungan kepada tenaga tersebut terlalu mendesak, ia telah dikenal pasti menjadi penyumbang utama kepada perubahan iklim dihadapi dunia kini. Fenomena tersebut telah menyebabkan berlakunya keadaan cuaca yang melampau dan mendorong kepada masalah seperti kemarau, banjir dan puting beliung.

Perubahan iklim melampau ini memberikan kesan buruk terutamanya kepada negara-negara yang amat terdedah kepada kesan negatif yang boleh menggugat kewujudan ekosistem alam sekali gus memberi kesan kepada kehidupan manusia pada masa hadapan.

Di samping itu, kesan kumulatif perubahan iklim dan disusuli dengan jumlah bahan api fosil yang kian berkurangan mendorong harganya semakin meningkat sehingga menyebabkan kerajaan Malaysia membuat keputusan untuk mempergiatkan pembangunan tenaga elektrik daripada sumber boleh baharu seperti solar, biojisim, biogas dan hidro kecil.

Sumber tenaga alternatif ini disasarkan meningkat kepada lima peratus dan 11 peratus melalui campuran bekalan sumber tenaga negara masing-masing menjelang tahun 2015 dan 2020.

Sumber tenaga

Dengan meningkatkan penggunaan bekalan TBB, kita secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber tenaga berasaskan karbon sekali gus menyumbang kepada langkah-langkah untuk menangani isu perubahan iklim yang berlaku.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia, Badriyah Abd. Malek, mekanisme Tarif Galakan (*FiT*) yang diperkenalkan membolehkan rakyat Malaysia menjana tenaga elektrik daripada sumber TBB dan menjualnya semula kepada Pemegang Lesen Pengagihan seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam jangka masa tertentu seperti ditetapkan melalui Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu (REPPA).

Beliau berkata, sebagai contohnya, untuk tenaga Solar Fotovolta (*Photovoltaic-PV*), tempoh REPPA

adalah 21 tahun, dan ini secara tidak langsung mampu menjana pendapatan sampingan bagi penggunaanya.

Tambahnya, bagi memastikan pelaksanaan mekanisme *FiT* berjaya, Akta TBB 2011 telah mewujudkan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) yang merupakan satu dana terkumpul dikutip melalui bayaran tambahan satu peratus yang dikenakan ke atas pengguna elektrik.

“Bayaran ini bagi membolehkan pemaju TBB

menerima pembayaran tarif premium bagi tenaga yang dijana seperti mana telah dipersetujui namun, hanya dikenakan kepada pengguna yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 300 kilowatt jam (kWj) atau lebih RM77 sebulan akan menyumbang satu peratus kepada KWTBB.

“Sementara itu, SEDA Malaysia pula ditubuhkan bertujuan untuk mentadbir dan melaksanakan mekanisme *FiT* bagi meningkatkan pembangunan industri dan teknologi TBB di Malaysia,” katanya sambil menjelaskan, SEDA Malaysia adalah agensi utama bertanggungjawab dalam perkara berkaitan tenaga lestari di negara ini, dan maklumat lanjut mengenainya boleh dilayari di www.seda.gov.my atau hubungi talian 03-8870 5800.

Orang ramai boleh menyumbang dan menjana tenaga elektrik bersih ke grid dengan menyertai Program Bumbung Rumah Solar yang telah dilancarkan oleh SEDA Malaysia pada bulan September 2012.

Badriyah menjelaskan, sebagai sebuah negara yang tergolong dalam komuniti global, Malaysia harus memainkan peranan dengan bersama-sama berusaha untuk menangani isu perubahan iklim dan inisiatif menggunakan sumber TBB mestilah bermula dari sekarang untuk menjamin masa hadapan yang lebih baik.

Katanya, selain menggalakkan orang ramai bersama-sama terbabit di dalam pembangunan TBB di Malaysia, kadar bayaran satu peratus yang dikenakan juga bertujuan memupuk dan menggalakkan amalan penggunaan tenaga dengan cekap dan berhemah memandangkan hanya mereka yang menggunakan elektrik secara berlebihan akan menyumbang lebih kepada KWTBB.

INFO Peruntukan Akta Berkaitan Tarif Elektrik

Perkataan “Warta” di bawah subseksyen 24(1) Akta TBB 2011, merujuk kepada Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2011 (Perintah TBB) di mana perenggan 3(1) menyatakan, TNB perlu memperuntukkan dan membayar ke dalam KWTBB setiap bulan dengan jumlahnya bersamaan satu peratus daripada tarif yang dikenakan dan dikumpulkan daripada para pengguna TNB di Semenanjung Malaysia.

Headline	Pegguna penentu tenaga bersih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	603 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 36,081		



PROGRAM Bumbung Rumah Solar telah diperkenalkan oleh SEDA Malaysia pada tahun 2012.

Jumlah Perlu Dibayar RM 354.90		20 Dis 2012		
Tunggakan	Amaun RM 50.00	Bayar Sebelum Segera 19.01.2013		
Caj Semasa	RM 304.89			
Penggenapan	RM 0.01			
Jumlah Bil	RM 354.90			
Bil Terdahulu	Amaun RM 332.40	Tarikh 15.11.2012		
Bayaran Akhir	RM 282.40	30.11.2012		
Jenis Bacaan	Bacaan Sebenar			
Tempoh Bil : 15.11.2012 - 20.12.2012 (35 Hari)		Faktor Prorata 1.129032		
Tarif : A - 013 (Domestik)				
Blok Tarif (kWh)	Blok Prorata (kWh)	Kadar (RM)	Amaun (RM)	
200	226	0.218	49.27	
100	113	0.334	37.74	
100	113	0.400	45.20	
100	113	0.402	45.43	
100	113	0.416	47.01	
100	36	0.426	15.34	
Jumlah	714		239.99	
Dana Wang Tenaga Boleh Baharu		RM 2.39		
Jumlah Kegunaan Bulan Semasa		RM 242.38		
Kredit/Debit		RM 12.50		
Surcaj		RM 0.01		
Deposit Tambahan		RM 50.00		
Caj Semasa		RM 304.89		
No Meter	Bacaan Meter		Kegunaan	Unit
	Dahulu	Semasa		
M98044931	79218	79932	714	kWh
Subsidi Bahan Api Dibiayai Kerajaan Persekutuan		RM 114.50		

BIL elektrik bulanan pengguna yang dikenakan caj satu peratus untuk disalurkan kepada KWTBB.